# Nelayan Artisanal di SABAH





# Nelayan Artisanal di SABAH



**ISMAIL ALI**

**PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**
Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia
http://www.ums.edu.my
2013

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

**© Universiti Malaysia Sabah, 2013**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia          Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan



Ismail Ali, 1969-
Nelayan artisanal di Sabah / Ismail Ali.
Mengandungi indeks
Bibliografi: ms.
ISBN 978-967-0521-10-7
1. Fishers--Sabah.  2. Fishers--Sabah--Economic conditions.
2. Fishers--Sabah--Social conditions.  I. Judul.
639.20959521

| | |
|---|---|
| Muka taip teks: | Cambria |
| Saiz taip teks dan *leading*: | 11/14 poin |
| Diterbitkan oleh: | Penerbit Universiti Malaysia Sabah<br>Tingkat Bawah, Perpustakaan<br>Universiti Malaysia Sabah<br>Jalan UMS<br>88400 Kota Kinabalu, Sabah |
| Dicetak oleh: | CAPITAL ASSOCIATES (S) SDN. BHD.<br>P.O. Box 88450<br>14587 Kota Kinabalu, Sabah |

*Buat semua keluarga, sahabat handai dan komuniti nelayan artisanal di Sabah*





# Kandungan


Senarai Peta

Senarai Jadual

Senarai Graf

Senarai Carta

Senarai Foto

Singkatan

Kata Aluan

Kata Aluan

Prakata

Penghargaan

| | | |
|---|---|---|
| Bab 1 | Pengenalan | 3 |
| Bab 2 | Profil Am Nelayan Artisanal Sabah | 25 |
| Bab 3 | Profil Sosioekonomi Nelayan Artisanal | 67 |
| Bab 4 | Isu dan Persoalan Nelayan Artisanal | 99 |
| Bab 5 | Penutup | 115 |

Bibliografi

Indeks

## SENARAI PETA


| Peta | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Zon pesisir pantai dan perairan Sabah | 5 |
| 1.2 | Kawasan menangkap ikan di Sabah | 6 |
| 1.3 | Kawasan ekosistem marin dan aktiviti penangkapan ikan di Sabah | 6 |
| 1.4 | Kawasan pengkulturan rumpai laut di Zon Industri Akuakultur (ZIA) di Semporna | 10 |
| 1.5 | Taburan kawasan terumbu karang di Sabah | 11 |
| 1.6 | Status keadaan karang keras di perairan Sabah | 12 |
| 1.7 | Bahagian-bahagian di Sabah di bawah pentadbiran Kerajaan Sabah | 18 |
| 1.8 | Peta maritim Sabah | 19 |
| 1.9 | Bahagian-bahagian di Sabah | |


## SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Anggaran pendaratan ikan laut di Sabah (1970-2008) | 23 |
| 1.2 | Anggaran pendaratan ikan laut di Sabah mengikut daerah tahun 2008 | 24 |
| 2.1 | Bilangan nelayan mengikut wilayah | 27 |
| 2.2 | Bilangan nelayan mengikut daerah | 28 |
| 2.3 | Jenis nelayan | 30 |
| 2.4 | Kategori nelayan | 31 |
| 2.5 | Perkakasan menangkap ikan mengikut kategori nelayan | 32 |
| 2.6 | Bilangan perkakasan berasaskan penternakan yang dimiliki mengikut kategori nelayan | 34 |
| 2.7 | Jangka masa nelayan berada di laut pada satu-satu masa | 35 |
| 2.8 | Bilangan hari nelayan turun ke laut dalam sebulan | 35 |
| 2.9 | Bilangan bulan dalam setahun nelayan turun ke laut | 36 |
| 2.10 | Pekerjaan nelayan apabila tidak turun ke laut | 37 |
| 2.11 | Kategori nelayan mengikut jenis tangkapan | 38 |
| 2.12 | Lokasi petempatan nelayan | 40 |
| 2.13 | Bilangan dan peratusan nelayan mengikut jantina | 42 |
| 2.14 | Bilangan dan peratusan nelayan mengikut jantina | 42 |
| 2.15 | Bilangan dan peratusan nelayan mengikut etnik | 44 |
| 2.16 | Bilangan dan peratusan etnik nelayan mengikut wilayah | 45 |
| 2.17 | Bilangan tanggungan anak | 46 |
| 2.18 | Bilangan tanggungan anak mengikut wilayah | 47 |
| 2.19 | Bilangan anak lelaki nelayan mengikut wilayah | 48 |

| | | |
|---|---|---|
| 2.20 | Bilangan anak perempuan nelayan mengikut wilayah | 48 |
| 2.21 | Bilangan anak nelayan yang telah berkahwin | 49 |
| 2.22 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak belum bersekolah | 50 |
| 2.23 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak belum bersekolah mengikut wilayah | 50 |
| 2.24 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak tidak bersekolah | 51 |
| 2.25 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak tidak bersekolah mengikut wilayah | 52 |
| 2.26 | Pendidikan peringkat sekolah rendah | 52 |
| 2.27 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak di sekolah rendah mengikut wilayah | 53 |
| 2.28 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak di sekolah menengah | 54 |
| 2.29 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak di sekolah menengah mengikut wilayah | 55 |
| 2.30 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak di universiti | 55 |
| 2.31 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak di universiti mengikut wilayah | 56 |
| 2.32 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak bekerja di sektor kerajaan | 57 |
| 2.33 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak bekerja di sektor kerajaan mengikut wilayah | 58 |
| 2.34 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak bekerja di sektor swasta | 58 |
| 2.35 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak bekerja di sektor swasta mengikut wilayah | 59 |
| 2.36 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak menjadi nelayan | 60 |
| 2.37 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak menjadi nelayan mengikut wilayah | 61 |
| 2.38 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak bekerja sendiri | 61 |
| 2.39 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak bekerja sendiri mengikut wilayah | 62 |
| 2.40 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak tidak bekerja | 63 |
| 2.41 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak tidak bekerja mengikut wilayah | 64 |
| 3.1 | Peratus penduduk miskin di Sabah mengikut daerah | 69 |
| 3.2 | Status pemilikan rumah dan tanah | 70 |
| 3.3 | Status pemilikan perkakas rumah | 72 |
| 3.4 | Status pemilikan kenderaan | 73 |

| | | |
|---|---|---|
| 3.5 | Status pemilikan bot | 74 |
| 3.6 | Anggaran pendapatan kasar nelayan sebulan | 75 |
| 3.7 | Anggaran pendapatan kasar nelayan sebulan mengikut wilayah | 77 |
| 3.8 | Silang angkubah antara pendapatan dengan perbelanjaan sara hidup | 78 |
| 3.9 | Silang angkubah antara pendapatan dengan perbelanjaan minyak | 79 |
| 3.10 | Silang angkubah antara pendapatan dengan perbelanjaan penyelenggaraan | 80 |
| 3.11 | Silang angkubah antara pendapatan dengan pembayaran balik pinjaman | 82 |
| 3.12 | Jenis bantuan yang diterima dari KO-NELAYAN | 84 |
| 3.13 | Bantuan KO-NELAYAN | 86 |
| 3.14 | Bantuan dari agensi lain | 87 |
| 3.15 | Bantuan dari agensi-agensi lain mengikut daerah | 87 |
| 3.16 | Kursus kemahiran yang pernah diikuti oleh nelayan anjuran KO-NELAYAN | 88 |
| 3.17 | Jenis kemahiran yang diperlukan oleh nelayan | 88 |
| 3.18 | Jenis bantuan K0-NELAYAN | 90 |
| 3.19 | Bantuan dari agensi-agensi lain | 90 |
| 3.20 | Pendapatan nelayan sebelum menerima bantuan | 92 |
| 3.21 | Pendapatan nelayan selepas menerima bantuan | 92 |
| 3.22 | Perbandingan bilangan nelayan dengan taraf pendidikan anak-anak | 94 |
| 3.23 | Status pemilikan tanah nelayan | 95 |
| 3.24 | Status pemilikan kenderaan | 96 |
| 3.25 | Kategori nelayan | 97 |


## SENARAI GRAF


| Graf | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 2.1 | Bilangan nelayan mengikut wilayah | 28 |
| 2.2 | Bilangan nelayan mengikut daerah | 29 |
| 2.3 | Jenis nelayan | 30 |
| 2.4 | Kategori nelayan | 31 |
| 2.5 | Pekerjaan nelayan apabila tidak turun ke laut | 37 |
| 2.6 | Lokasi petempatan nelayan | 40 |
| 2.7 | Bilangan dan peratusan nelayan mengikut jantina | 42 |
| 2.8 | Bilangan dan peratusan nelayan mengikut agama | 43 |
| 2.9 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak tidak bersekolah | 51 |
| 2.10 | Pendidikan peringkat sekolah rendah | 53 |

| | | |
|---|---|---|
| 2.11 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak di sekolah menengah | 54 |
| 2.12 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak di universiti | 56 |
| 2.13 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak menjadi nelayan | 60 |
| 2.14 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak menjadi nelayan | 60 |
| 2.15 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak bekerja sendiri | 62 |
| 2.16 | Bilangan nelayan yang mempunyai anak tidak bekerja | 63 |
| 3.1 | Status pemilikan rumah | 70 |
| 3.2 | Status pemilikan tanah | 71 |
| 3.3 | Status pemilikan bot | 74 |
| 3.4 | Anggaran pendapatan kasar nelayan sebulan | 75 |
| 3.5 | Silang angkubah antara pendapatan dengan perbelanjaan sara hidup | 79 |
| 3.6 | Silang angkubah antara pendapatan dengan perbelanjaan minyak | 80 |
| 3.7 | Silang angkubah antara pendapatan dengan perbelanjaan penyelenggaraan | 81 |
| 3.8 | Silang angkubah antara pendapatan dengan pembayaran balik pinjaman | 82 |
| 3.9 | Kursus kemahiran yang pernah diikuti oleh nelayan anjuran KO-NELAYAN | 88 |
| 3.10 | Status pemilikan rumah nelayan | 95 |


## SENARAI CARTA


| Carta | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 2.1 | Peratusan nelayan mengikut daerah | 29 |
| 2.2 | Jenis nelayan | 30 |
| 2.3 | Kategori nelayan | 32 |
| 2.4 | Bilangan dan peratusan nelayan mengikut agama | 43 |
| 3.1 | Status pemilikan bot | 74 |
| 3.2 | Anggaran pendapatan kasar nelayan sebulan | 76 |
| 3.3 | Peratusan miskin tegar, miskin, mudah miskin dan terkeluar daripada garis kemiskinan sebelum menerima bantuan | 92 |
| 3.4 | Peratusan miskin tegar, miskin, mudah miskin dan terkeluar daripada garis kemiskinan selepas menerima bantuan | 93 |

## SENARAI FOTO


| Foto | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Beberapa contoh spesies ikan pelagik dan krustasia di Sabah | 7 |
| 1.2 | Hutan pokok bakau | 12 |
| 4.1 | Pukat *trenet* | 103 |
| 4.2 | Pukat tiga lapis | 103 |
| 4.3 | Hasil tangkapan udang nelayan | 103 |
| 4.4 | Bot pukat jerut | 104 |
| 4.5 | Keadaan rumah nelayan | 105 |
| 4.6 | Keadaan dalaman rumah nelayan | 106 |
| 4.7 | Isteri nelayan menganyam rumbia untuk dijadikan atap rumah | 106 |
| 4.8 | Tandas | 107 |
| 4.9 | Bekalan air | 107 |
| 4.10 | Tong ikan yang terbiar | 108 |
| 4.11 | Pukat dan tong ikan yang tidak pernah digunakan | 109 |
| 4.12 | Air keruh di muara Sungai Padas | 110 |
| 4.13 | Timbunan sampah-sarap | 111 |
| 4.14 | Sampah-sarap timbul di permukaan air | 111 |
| 4.15 | Bot terbiar | 112 |
| 4.16 | Perkakas menangkap ikan yang terbiar | 113 |
| 4.17 | Pukat terbiar | 113 |
| 4.18 | Tangkul ketam terbiar | 114 |
| 4.19 | Enjin sangkut rosak dan terbiar | 114 |

## SINGKATAN

| | |
|---|---|
| ADUN | Ahli Dewan Undangan Negeri |
| BFC | *Borneo Fishing Company* |
| BNBCC | *British North Borneo Chartered Company* |
| *et al.* | Lain-lain |
| FAMA | *Federal Agriculture and Marketing Agency* |
| IPTA | Institusi Pengajian Tinggi Awam |
| IPTS | Institusi Pengajian Tinggi Swasta |
| JKKK | Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung |
| KDNK | Keluaran Dalam Negara Kasar |
| KIRMT | Ketua Isi Rumah Nelayan Miskin Tegar |
| KKLW | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah |
| KM | Kilometer |
| K0-NELAYAN | Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah |
| KPD | Korporasi Pembangunan Desa |
| KPLB | Kementerian Pembangunan Luar Bandar |
| LKIM | Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia |
| MARDI | *Malaysian Agriculture Research Development Institute* |
| PENTAS | Skim Peningkatan Taraf Sosial Nelayan |
| PERMITS | SKIM Pembekalan Peralatan Menangkap Ikan Tradisi Kredit Bersubsidi |
| PGK | Pendapatan Garis Kemiskinan |
| PIKP | Pinjaman Industri Kecil Perikanan |
| PPRT | Projek Perumahan Rakyat Termiskin |
| SAFMA | *Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.* |
| SAP2 | *The Second Sabah Agriculture Policy* |
| SBKB | Skim Bantuan Kredit Bersubsidi |
| SBN | Skim Bantuan Nelayan |
| SBPA | Skim Bantuan Pengusaha Akuakultur |
| SEDCO | *Sabah Economic Development Corporation* |
| RM | Ringgit Malaysia |
| TLDM | Tentera Laut DiRaja Malaysia |
| UPE | Unit Perancang Ekonomi |

# Kata Aluan

Terlebih dahulu saya bagi pihak KO-NELAYAN ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana telah membantu KO-NELAYAN melaksanakan Program Banci Nelayan Artisanal Sabah 2011 dan tahniah atas penerbitan buku ini yang berjudul *Nelayan Artisanal di Sabah*. Sesungguhnya, kajian dan penulisan buku ini melambangkan komitmen dan keprihatinan UMS terhadap peranan dan sumbangan para komuniti nelayan artisanal di Sabah dalam pembangunan ekonomi di negeri ini. Pada hari ini, KO-NELAYAN sedang merangka pelbagai strategi untuk meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan artisanal di Sabah terutamanya untuk membawa keluar golongan ini daripada arus kemiskinan.

Melalui Program Banci Nelayan Artisanal yang dijalankan oleh KO-NELAYAN bersama UMS, kita telah berjaya mendapatkan pelbagai data asas nelayan, mengenal pasti sejauhmana sistem penyampaian bantuan yang dihulurkan oleh KO-NELAYAN selama ini telah memberi manfaat kepada nelayan. Di samping itu, banci ini juga dapat mengutarakan pelbagai isu dan persoalan semasa yang dihadapi oleh nelayan dan mengutarakan pelbagai syor dan pandangan yang amat berguna untuk dijadikan panduan kepada KO-NELAYAN dalam merangka pelbagai strategi membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf sosioekonomi para nelayan artisanal di Sabah.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1981 hingga kini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh KO-NELAYAN untuk membangunkan taraf sosioekonomi para komuniti nelayan di Sabah. Sebagai Pengurus Besar KO-NELAYAN, saya mengakui bahawa tugas ini bukanlah mudah untuk dilaksanakan dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran. Namun demikian, KO-NELAYAN akan terus berusaha sebaik mungkin untuk melaksanakan amanah yang telah diberikan oleh Kerajaan Sabah dan percaya akan dapat dilaksanakan dengan adanya kerjasama padu daripada UMS dal lain-lain agensi di peringkat negeri dan persekutuan, seiring dengan Pelan Transformasi Negara pada masa ini. Akhir sekali, syabas dan tahniah sekali lagi kepada UMS atas penerbitan buku ini.

**DATUK MASOOD HJ. SALLEH**
Pengurus Besar
Korporasi Kemajuan dan Perikanan Sabah (KO-NELAYAN)

# Kata Aluan

Terlebih dahulu saya bagi pihak UMS ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada KO-NELAYAN kerana telah memberi kepercayaan kepada UMS untuk melaksanakan Program Banci Nelayan Artisanal Sabah 2011. Ucapan tahniah juga dirakamkan kepada para penyelidik UMS atas penerbitan buku ini yang berjudul *Nelayan Artisanal di Sabah*. Dengan slogan 'Bertekad Cemerlang', UMS bukan sahaja berperanan mendidik dan melahirkan para graduan yang berkualiti, tetapi pada masa yang sama juga memberi perhatian penuh kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat di Sabah dan Malaysia amnya. Pada hari ini, aspek penyelidikan, penulisan dan penerbitan karya-karya ilmiah merupakan antara perkara yang amat diberi perhatian oleh pihak pengurusan UMS. Justeru, penyelidikan dan penerbitan buku yang berkaitan dengan komuniti nelayan ini amat dialu-alukan kerana akan dapat memperkayakan lagi budaya kesarjanaan dalam kalangan kakitangan akademik di UMS.

Pihak UMS juga amat mengalu-alukan apa jua bentuk kerjasama di antara universiti dengan pelbagai agensi dan dalam hal ini, kerjasama yang terjalin di antara UMS dengan KO-NELAYAN melalui Program Banci Nelayan Artisanal Sabah 2011 ini merupakan satu usaha murni dan perlu diteruskan pada masa hadapan untuk kesejahteraan bersama. Sejajar dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, maka sudah tiba masanya tumpuan perlu diberikan kepada komuniti nelayan kerana mereka bukan sahaja memainkan peranan penting dari segi pembangunan ekonomi, tetapi secara relatifnya masih lagi dibelenggu dengan pelbagai isu dan cabaran semasa. Saya percaya melalui Program Banci Nelayan Artisanal Sabah yang dijalankan oleh KO-NELAYAN bersama UMS sudah pastinya akan dapat memperkasakan lagi usaha pelan dan strategi pembangunan komuniti nelayan artisanal di Sabah. Akhir sekali, saya selaku Naib Canselor UMS ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada KO-NELAYAN atas kepercayaan yang diberikan kepada para penyelidik UMS untuk melaksanakan dan menyempurnakan tanggungjawab ini.

**PROF. DATUK DR MOHD. HARUN ABDULLAH**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah

# Prakata

Sabah yang diombaki oleh tiga laut utama iaitu Laut China Selatan di pantai barat, Laut Sulu di pantai timur dan Laut Sulawesi (Celebes) di bahagian tenggara Sabah merupakan sebuah negeri dalam Malaysia yang cukup kaya dengan pelbagai sumber marinnya. Walaupun tiada satu angka rasmi yang dikeluarkan untuk menganggarkan jumlah stok marin di Sabah, jika dibandingkan dengan Laporan Perangkaan Perikanan yang dikeluarkan oleh negeri lain dalam Malaysia nampaknya masih lagi memperlihatkan kemunculan Sabah sebagai pusat pendaratan dan pengeksport sumber utama di Malaysia. Berdasarkan kepada sejarah pembangunan ekonomi maritim di Sabah menunjukkan bahawa industri perikanan di negeri ini telah mula dibangunkan secara komersial dan berskala besar sejak era Kesultanan Sulu dan terus menjadi penyumbang kepada pembangunan Sabah semasa era pentadbiran *British North Borneo (Chartered) Company*, Kerajaan British dan Kerajaan Sabah pada masa ini.

Berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Sabah menganggarkan terdapat kira-kira 23,763 orang nelayan di Sabah pada tahun 2011 dan angka ini diambil berdasarkan kepada Laporan Perangkaan Tahunan Perikanan Sabah (2008). Daripada jumlah tersebut, dianggarkan terdapat kira-kira 16,107 orang nelayan atau 68 peratus yang dikategorikan sebagai nelayan artisanal (nelayan kecil dan tradisional). Melalui perangkaan ini jelas menunjukkan akan kepentingan nelayan artisanal yang memainkan peranan penting dalam jumlah pendaratan sumber marin di Sabah. Laporan Perangkaan Perikanan Sabah (2008) menunjukkan nelayan artisanal yang menggunakan perkakas tradisional yang terbahagi kepada empat kategori iaitu pukat tangguk, tali kail, perangkap dan rampaian seperti bubu, kelong, pancing, rawai, selambau, bagang, pukat rentang, bintur dan lain-lain telah menyumbangkan kira-kira 173,999.29 tan metrik berbanding 137,828.81 tan metrik yang didaratkan oleh perkakas moden atau komersial yang didukung oleh pukat tunda, pukat jerut dan pukat hanyut.

Sejak merdeka melalui pembentukan Malaysia pada tahun 1963 hingga kini, pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah untuk membangun dan memperkasakan lagi industri perikanan di Sabah. Untuk meningkatkan jumlah pendaratan ikan, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai teknologi moden seperti pukat tunda dan pukat jerut. Dalam aspek pembangunan industri hiliran pula, pelbagai produk perikanan telah dihasilkan seperti ikan hidup, ikan segar dan dingin beku, krustasia segar dan beku, rumpai laut dan alga, ikan kering dan masin, salai, *in brine* dan sebagainya yang dieksport ke pelbagai negara lain di dunia. Sehingga tahun 2008, Sabah telah mengeksport

produk berasaskan hasil-hasil laut sebanyak 73,477 tan metrik bernilai kira-kira RM615 juta. Berdasarkan kepada Laporan Perangkaan Perikanan tersebut jelas menunjukkan bahawa industri perikanan di Sabah telah berkembang pesat dan memainkan peranan penting kepada pembangunan ekonomi di Sabah.

Walaupun pada prinsipnya industri perikanan di Sabah telah membangun dan berkembang pesat, industri ini masih dibelenggu oleh persoalan kemiskinan dalam kalangan nelayannya. Berdasarkan kepada laporan Unit Perancang Ekonomi (UPE) menunjukkan bahawa kadar kemiskinan dalam kalangan nelayan di Sabah masih lagi tinggi, iaitu sekitar 23 peratus dan daripada jumlah ini golongan petani dan nelayan artisanal atau tradisional merupakan penyumbang utama kepada jumlah peratusan kemiskinan tersebut. Secara amnya, nelayan artisanal atau tradisional adalah merujuk kepada nelayan yang masih lagi menjalankan aktiviti perikanan secara tradisi dan berskala kecil baik dari segi jarak, teknologi dan perkakasan menangkap ikan yang digunakan, sumber manusia, *modus operandi*, jangka masa berada dan turun ke laut, jumlah hasil tangkapan dan pemasaran. Menurut *Food and Agriculture Organization* (1988:105) atau FAO dalam *Guidelines for the Routine Collection of Capture Fishery Data*, nelayan artisanal adalah merujuk kepada:

> "...traditional fisheries involving fishing households (as opposed to commercial companies), using relatively small amount of capital and energy, relatively small fishing vessels (if any), making short fishing trips, close to shore, mainly for local consumption... sometimes refered to as small-scale fisheries."

Kepesatan dalam pembangunan dan pemodenan industri perikanan yang didukung oleh nelayan moden dan berskala besar berasaskan bot pukat tunda dan bot pukat jerut nampaknya telah menyebabkan peranan dan sumbangan nelayan artisanal ini mula terpinggir dalam pembangunan industri perikanan dan berhadapan dengan pelbagai dilema dalam meneruskan kelangsungan hidup. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9, pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah untuk membangunkan industri perikanan, membasmi kemiskinan tegar dan meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan terutamanya nelayan artisanal (tradisi). Untuk tujuan tersebut, Jabatan Perikanan Sabah, Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, FAMA, KO-NELAYAN dan agensi lain telah mengambil pelbagai inisiatif dengan memperkenalkan pelbagai skim seperti skim pemberian subsidi, pinjaman, latihan, pemasaran, pemprosesan, teknikal, infrastruktur dan sebagainya dengan satu misi iaitu untuk membangunkan industri perikanan, membasmi kemiskinan tegar dan meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan terutamanya nelayan artisanal.

Menyedari akan hakikat ini, maka pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan untuk membantu meningkatkan semula taraf sosioekonomi komuniti nelayan artisanal yang telah dikenal pasti sebagai antara penyumbang utama kepada jumlah dan peratusan kemiskinan di negara ini berbanding dengan sektor ekonomi yang lain. Untuk tujuan ini, KO-NELAYAN dengan kerjasama UMS telah menjalankan Program Banci Nelayan Artisanal di seluruh Sabah pada awal tahun 2010 dan siap sepenuhnya pada bulan Disember 2011. Secara amnya, program banci nelayan artisanal ini bertujuan untuk menyediakan satu pangkalan data yang menyeluruh berhubung nelayan artisanal di Sabah yang merangkumi pelbagai aspek seperti menentukan anggaran bilangan nelayan artisanal, profil am nelayan, profil sosiodemografi dan sosioekonomi nelayan, isu dan cabaran yang dihadapi dan mengutarakan pelbagai cadangan untuk membangunkan taraf hidup dan sosioekonomi nelayan.

Berpandukan kepada data-data yang diperoleh daripada Program Banci Nelayan Sabah 2011 dan kerja lapangan yang telah dilaksanakan, maka penulisan buku ini adalah bertujuan untuk memerihalkan taraf sosioeokonomi komuniti nelayan artisanal di Sabah, menilai semula keberkesanan program-program penyampaian bantuan yang telah dihulurkan oleh kerajaan dalam pembasmian kemiskinan dan peningkatan taraf sosioekonomi komuniti nelayan di Sabah. Selain itu, penyelidikan yang dijalankan telah berjaya mengenal pasti isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh para nelayan. Justeru, penulis akan mengutarakan pelbagai syor dan cadangan kepada pihak kerajaan dalam usaha mensejahterakan semula komuniti nelayan ini. Penulisan buku ini diharapkan akan dapat membantu pihak KO-NELAYAN dan pelbagai agensi persekutuan dan negeri dalam merangka dan melaksanakan pendekatan untuk membela nasib para nelayan artisanal atau tradisional di Sabah.

# Penghargaan

Terlebih dahulu para penulis ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah dan kurnia-Nya memberi kekuatan kepada para penulis untuk menyempurnakan kajian dan penerbitan buku ini. Dalam ruangan ini, penulis ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada KO-NELAYAN yang telah memperuntukkan dana yang besar kepada penulis dan rakan-rakan untuk menjalankan kajian berhubung nelayan artisanal di Sabah. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada YBhg. Datuk Udin Sulai, selaku Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sabah merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Program Banci Nelayan Sabah 2011, YBhg. Datuk Hj. Masood Hj. Salleh, Pengurus Besar KO-NELAYAN dan semua kakitangan pengurusan dan pentadbiran KO-NELAYAN yang telah banyak membantu penulis dalam menjalankan banci, mendapatkan pelbagai data yang diperlukan dan seterusnya menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada YBhg. Prof. Datuk Dr Mohd. Harun Abdullah selaku Naib Canselor UMS, Prof. Dr Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa dan Puan Ainun Jamil di Unit Penerbitan UMS yang banyak memberi sokongan moral dan bantuan sepanjang kajian ini dijalankan dan penerbitan buku ini berjaya dilaksanakan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga dirakamkan kepada seluruh nelayan artisanal yang telah memberikan pelbagai maklumat yang cukup berguna dalam menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, penulis juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Ejria Salleh, Yusten Karulus, Maine Suadik, Mosli Tarsat dan Fauzi Sarjono, Dakir Manap, Hinmin Chiam Tah Kong, para pegawai dan kakitangan KO-NELAYAN dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian dan penulisan buku ini.

**ISMAIL ALI**
Universiti Malaysia Sabah